# THE PALM OIL REFINERS ASSOCIATION OF MALAYSIA

22 December 2022

CIRCULAR 032/2022

Dear Members,

Good day!

#### **DEFERMENT:**

#### MPOB ADDITIONAL LICENSING CONDITIONS ON 3-MCPDE & GE: 1st JANUARY 2026

Please find attached herein a circular dated 21<sup>st</sup> December 2022 from the Malaysian Palm Oil Board (MPOB) which we have received today on the <u>deferment</u> of the enforcement dates for the Additional Licencing Conditions for refiners, importers and exporters of PPO and PPKO products as a measure to ensure food safety requirements along the whole palm oil supply chain. Henceforth, the previous MPOB Circular Ref. No. MPOB 03/2020 [Pk (EL) MPOB 02/2020] dated 28<sup>th</sup> September 2020 are hereby cancelled.

Should any Members have query or doubt on any part of the attached circular which require further clarification, please contact the Secretariat immediately.

Thank you.

Yours sincerely,

For and behalf of The Palm Oil Refiners Association of Malaysia

A. Fadzli Abdul Aziz General Manager



## LEMBAGA MINYAK SAWIT MALAYSIA

### Malaysian Palm Oil Board

Kementerian Perladangan dan Komoditi (Ministry of Plantation and Commodities)

Ruj. Tuan / Your Ref. :

Ruj. Kami / Our Ref. ; (10)04/C/PD/656/4 Jil. 6

21 Disember 2022

Pk (EL) MPOB 03/2022

Semua Pemegang Lesen Kategori Kilang Penapis Semua Pemegang Lesen Kategori Pengeksport Keluaran Kelapa Sawit Semua Pemegang Lesen Kategori Pengimport Keluaran Kelapa Sawit

Tuan/Puan,

TARIKH BARU PENGUATKUASAAN TAMBAHAN SYARAT LESEN YANG DIKENAKAN BAGI PEMEGANG LESEN DALAM KATEGORI KILANG PENAPIS (RF), PENGEKSPORT KELUARAN KELAPA SAWIT (PX) DAN PENGIMPORT KELUARAN KELAPA SAWIT (PM): KESELAMATAN MAKANAN DAN MINYAK SAWIT YANG BERKUALITI

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada surat kami no rujukan (14)04/C/PD/656/4 Jil.6 dan Pekeliling Penguatkuasaan (Pelesenan) Pk (EL) MPOB 03/2020 bertarikh 28 September 2020 berkaitan perkara di atas.

- 2. Dimaklumkan bahawa Mesyuarat Lembaga ke-125 yang telah diadakan pada 8 Disember 2022 telah meluluskan penangguhan dan tarikh baharu penguatkuasaan tambahan Syarat Lesen berkaitan pematuhan tahap maksimum 3-monochloropropanediol ester (3-MCPDE) dan glycidyl ester (GE) yang akan dikenakan ke atas kategori Kilang Penapis (RF), Pengeksport Keluaran Kelapa Sawit (PX) dan Pengimport Keluaran Kelapa Sawit (PM). Tarikh bermula kuat kuasa adalah pada **1 Januari 2026** setelah mengambil kira pandangan pihak berkepentingan dalam industri kelapa sawit. Perincian syarat lesen adalah seperti berikut:
- (i) Pemegang lesen hendaklah memastikan bahawa minyak isirung sawit yang diproseskan, pada masa penghantaran mengikut amalan perniagaan semasa, iaitu pada masa penyerahan minyak daripada tangki penjual, sama ada daripada kilang penapis, pusat simpanan pukal, eksport, import, atau selainnya, mengikut mana-mana yang berkenaan, bagi tujuan pemakanan mematuhi keperluan tahap maksimum 3-MCPDE pada 1.25 pm dan GE pada 1 ppm;
- (ii) Pemegang lesen hendaklah memastikan kontrak jualan atau belian; dan termasuk kontrak tempatan atau kontrak antarabangsa, antara pembeli dan penjual untuk minyak isirung sawit yang diproseskan bagi tujuan pemakanan mematuhi keperluan tahap maksimum 3-MCPDE pada 1.25 pm dan GE pada 1 pm, dan keperluan lain oleh pembeli;



- (iii) Pemegang lesen hendaklah memastikan bahawa minyak sawit yang diproseskan, pada masa penghantaran mengikut amalan perniagaan semasa, iaitu pada masa penyerahan minyak daripada tangki penjual, sama ada daripada kilang penapis, pusat simpanan pukal, eksport, import, atau selainnya, mengikut mana-mana yang berkenaan, bagi tujuan pemakanan mematuhi keperluan tahap maksimum 3- MCPDE pada 2.5 ppm dan GE pada 1 ppm; dan
- (iv) Pemegang lesen hendaklah memastikan kontrak jualan atau belian; dan termasuk kontrak tempatan atau kontrak antarabangsa, antara pembeli dan penjual untuk minyak sawit yang diproseskan bagi tujuan pemakanan mematuhi keperluan tahap maksimum 3-MCPDE pada 2.5 pm dan GE pada 1 pm, dan keperluan lain oleh pembeli.
- 3. Walau apapun, pihak industri dipohon untuk menumpukan perhatian kepada isu ini dengan kadar segera, dan jika ianya dapat diselesaikan lebih awal tempoh penangguhan syarat lesen pematuhan tahap maksimum 3- MCPDE dan GE boleh dipendekkan.
- 4. Sehubungan itu, Pekeliling Penguatkuasaan (Pelesenan) MPOB 03/2020 [Pk (EL) MPOB 03/2020] bertarikh 28 September 2020 ke atas kategori RF, PX dan PM adalah **TERBATAL**.
- 5. Pihak tuan/ puan dikehendaki mematuhi syarat-syarat lesen yang telah ditetapkan sebagaimana Jadual Enam, Peraturan 21, Peraturan-Peraturan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (Pelesenan) 2005 dan Pekeliling Penguatkuasaan (Pelesenan) MPOB 03/2022 [Pk (EL) MPOB 03/2022] bagi mengelakkan tindakan penguatkuasaan MPOB.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Yang benar,

DATUK DR. AHMAD PARVEEZ HJ. GHULAM KADIR

Ketua Pengarah MPOB

- i. Pengerusi MPOB
- ii. Setiausaha Bahagian Kanan, Bahagian Kemajuan Industri Sawit & Sago (BISS) KPK
- iii. Setiausaha Eksekutif MPOA
- iv. Setiausaha Eksekutif POMA
- v. Setiausaha Eksekutif PORAM
- vi. Setiausaha Eksekutif MEOMA
- vii. Setiausaha Eksekutif EMPA
- viii. Setiausaha Eksekutif NASH
- ix. Setiausaha Eksekutif MEOA
- x. Setiausaha Eksekutif SOPPOA
- xi. Setiausaha Eksekutif ISP
- xii. Setiausaha Eksekutif MOPDA